

18 DEC 1999

Mahathir-Umno

PEMILIHAN UMNO MUNGKIN DIBINCANGKAN DALAM MT

PUTRAJAYA, 18 Dis (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno esok, yang pertama selepas pilihan raya umum, kemungkinan akan menetapkan tarikh pemilihan parti tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita akan bincang pelbagai perkara, mungkin esok kita tahu sama ada kita akan adakan (pemilihan) awal (tahun), akhir (tahun) atau tidak ada langsung," katanya kepada pemberita apabila ditanya mengenai laporan akhbar yang meramalkan pemilihan Umno akan diadakan lebih awal iaitu Mac dan bukannya pada Jun seperti biasa.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat pra-majlis untuk anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara daripada BN sebelum berlangsungnya persidangan Parlimen pada Isnin, di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Pemilihan parti sepatutnya diadakan pada Jun tahun ini tetapi MT membuat keputusan untuk menangguhkannya sehingga selepas pilihan raya umum dan pelembaan parti membenarkan penangguhan selama 18 bulan itu dari tarikh perhimpunan agung bagi pemilihan jawatan MT, yang diadakan tiga tahun sekali.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat MT esok akan turut membincangkan prestasi Umno pada pilihan raya umum ke-10, 29 Nov lepas.

Pada pilihan raya lepas Umno memenangi 72 kerusi Parlimen daripada 148 kerusi yang dimenangi Barisan Nasional. Pada pilihan raya umum 1995 Umno memenangi 94 kerusi Parlimen.

Ditanya mengenai pergolakan di kalangan parti komponen BN di Pulau Pinang dan dalam Umno di Negeri Sembilan, Dr Mahathir berkata itu adalah perkara biasa.

Pergolakan yang timbul di Pulau Pinang ialah berhubung tuntutan MCA kepada kerajaan negeri yang dipimpin parti Gerakan supaya seorang timbalan ketua menteri dilantik daripada MCA. MCA juga menuntut diperuntukkan lebih daripada dua kerusi exco kerana mempunyai lebih anggota dalam Dewan Undangan Negeri berbanding Gerakan.

Di Negeri Sembilan pula berlaku kontroversi mengenai pelantikan Datuk Waad Mansor sebagai anggota exco yang tidak dipersetujui oleh beberapa ketua bahagian Umno negeri itu.

Bagaimanapun, isu di Pulau Pinang sudah selesai apabila Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menolak tuntutan MCA sementara isu di Negeri Sembilan diatasi apabila Waad sendiri mengumumkan peletakan jawatannya hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau sememangnya yakin kekecohan yang berlaku lama kelamaan akan selesai dan ianya wujud disebabkan perasaan kecewa.

"Dalam politik kadang-kadang kita tidak dipilih menjadi calon (pilihan raya) dan kita kecewa, kadang-kadang kita dipilih sebagai calon tetapi tidak menang jadi kecewa.

"Kita menang dan tidak dilantik Excopun membuat kita kecewa ... dilantik Exco tetapi tidak dapat jawatan tertentupun membuat kita kecewa ... dalam politik selalu kecewa," katanya.

Ditanya sama ada tindakan mereka yang mewujudkan kekecohan itu sebagai tidak mematuhi keputusan pucuk pimpinan, Dr Mahathir berkata: "Dia patuh ... akhirnya dia patuh, kadang-kadang dia kecewa, dia manusia biasa."

-- BERNAMA

ARA RON

